

Pelbagai acara memukau nanti 50,000 pengunjung

(30 Ogos 2022) Berita Harian, p.14

Semua kontinjen bersedia jayakan perarakan di Dataran Merdeka

Oleh Irwan Shafrizan Ismai
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persembahan memukau dan acara penuh gilang-gemilang bakal dipamerkan lebih 20,000 peserta sempena pertunjukan dan perarakan sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, esok.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata dengan jangkaan 50,000 pengunjung hadir pada hari sambutan itu, orang awam juga digalakkan datang awal bagi mengelak kesesakan lalu lintas.

"Hari ini (semalam) kita lakukan raptai penuh dengan beberapa penambahbaikan dibuat, termasuk dari segi masa yang harap dapat dikekalkan pada hari sebenar nanti.

"Dari segi penyertaan perarakan, ia meningkat daripada 10,000 peserta dengan jumlah keseluruhan terkini seramai 25,000 peserta," katanya selepas raptai penuh perarakan di Dataran Merdeka, di sini, semalam.

Annuar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 turut berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan dan susun atur acara itu.

"Kita mahu penghayatan sambutan hari kemerdekaan ini disusuli juga di tempat, rumah dan komuniti masing-masing di seluruh negara.

"Sambutan kali ini mendapat perhatian orang ramai, malah ia bilangan peserta dan aset terbesar pernah kita lakukan," katanya.

2 tahun tidak dirai

Sambutan Hari Kebangsaan 2022 pada 31 Ogos ini bakal disambut secara besar-besaran di Dataran Merdeka selepas dua tahun diraikan sederhana bagi mengurangkan perhimpunan ramai su-

sulan COVID-19.

Dataran Merdeka menjadi lokasi bersejarah yang menyaksikan peristiwa penting penurunan bendera *Union Jack* dan pengibaran *Jalur Gemilang* buat kali pertama pada tengah malam 31 Ogos 1957. Sejak itu ia menjadi tempat perarakan sambutan Hari Kebangsaan.

Acara pada 31 Ogos akan dimulakan dengan ketibaan pembesar negara, sebelum keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta kuda diraja.

Ia diikuti lintasan hormat pesawat membawa *Jalur Gemilang*

serta tembakan sebanyak 14 das meriam yang menjadi antara acara tradisi sambutan Hari Kebangsaan.

Lebih menarik, penonton akan disajikan dengan lintasan kereta berhias atau float daripada kontinjen swasta dan syarikat berkaitan kerajaan seperti kereta berhias gabungan syarikat telekomunikasi tempatan serta float yang membawa replika satelit MEASAT menjadi antara tumpuan utama pada hari berkenaan.

Acara Hari Kebangsaan pastinya tidak lengkap tanpa pertunjukan jentera dan aset ketenteraan dan keselamatan, malah ia menjadi segmen kemuncak yang dinantikan Keluarga Malaysia.



Perarakan membawa bendera negeri pada sesi raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2022 dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)